

# ‘Saya sering memberi teguran kepada Maszlee’

**Serdang:** “Saya sering memberi teguran kepada Maszlee menerusi WhatsApp sekiranya beliau ada mengeluarkan kenyataan mengundang kritikan orang ramai terutama berkenaan isu pendidikan negara,” kata bekas guru, Ustaz Sakijan Muri, 64.

Sakijan yang kini menjadi pengetua di sebuah sekolah swasta di Subang Jaya berkata, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik adalah bekas pelajarnya ketika beliau berkhidmat di Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru pada 1986 hingga 1993.

“Sebagai bekas guru yang rapat dengannya, saya memberi nasihat agar Maszlee mendapatkan bimbingan daripada mereka yang berpengalaman dalam mengu-

rus dan mentadbir bidang pendidikan sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.

“Saya berbangga apabila beliau diberi peluang untuk memikul tanggungjawab sebagai Menteri Pendidikan. Tidak sangka, latihan berucap di sekolah yang selalu dipraktikkan ketika perjumpaan bersama Maszlee dan rakannya dulu berjaya menjadi pembakar semangat kejayaannya pada masa ini,” katanya kepada Harian Metro.

Ustaz Sakijan mendapat penghargaan daripada Maszlee ketika Majlis Penyampaian Amanat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertemakan Pendidikan Untuk Semua di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Ke-

senian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Maszlee mendedahkan impian menyandang jawatan Menteri Pendidikan sejak 30 tahun lalu dicetuskan oleh bekas guru Pendidikan Islamnya itu yang sering membawa pendekatan berbeza dalam melihat perkara sehari-hari, selain menggalakkan murid selalu bertanya termasuk membabitkan perihal agama.

Menurut Ustaz Sakijan, Maszlee adalah pelajar nakal tetapi cerdik dan rajin berfikir.

“Beliau suka bertanya soalan. Kadang-kadang saya sendiri tidak mampu untuk menjawab semua soalan

yang ditanya.

“Sejak di bangku sekolah, saya dapat melihat kemampuan dan kebolehan Maszlee berbincang khususnya berkenaan isu politik, agama dan pendidikan.

“Apabila saya melihat beliau begitu yakin menyampaikan ucapan di depan orang ramai, ia membuatkan saya terkejut akan kisah memberi tunjuk ajar dalam perjumpaan mingguan ketika sekolah yang me-

nekankan pembangunan modal insan berteraskan akidah, ibadah dan kefaaman kemanusiaan,” katanya.



DR Maszlee bersama Ustaz Sakijan bekas gurunya.